



## “IDULFITRI : **AGUNGKAN ALLAH KUKUHKAN AQIDAH”**

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ  
الْحَمْدُ. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ  
الْحَمْدُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ  
بُكْرَةً وَأَصِيلًا. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ  
وَعْدَهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ  
وَحْدَهُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينَ  
الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ



إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشَهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا  
عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ حَبِيبُهُ وَخَلِيلُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ!، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ  
وَإِيَّاهُ يُتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ  
تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

**Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,**

Marilah kita sama-sama bertaqwa kepada Allah dengan bertakbir membesarkan-Nya dan bersungguh-sungguh bertaubat dan beristighfar dengan meninggalkan segala bentuk larangan-Nya. Marilah kita



mengagungkan Allah dengan bertasbih dan bersyukur kepada-Nya kerana kita telah berjaya menyempurnakan ibadah Ramadhan selama sebulan yang difardhukan. Marilah kita bertahmid memuji-Nya kerana kita telah berjaya melepas ujian Allah yang menjinakkan nafsu kita yang ganas sehingga kita dapat mendekatkan diri kepada Allah sepanjang Ramadhan, Marilah kita bertahlil mengitibarkan ketinggian Allah yang mengatasi segala nikmat dunia dan juadah yang mempesonakan.

### **Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,**

Di pagi hari yang mulia ini, marilah kita menghayati khutbah hari ini yang bertajuk; "**Agungkan Allah, Kukuhkan Aqidah**".

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Hari ini umat Islam digalakkan bertakbir membesarkan Allah, kita disunatkan bertakbir selepas terbenam matahari pada malam hariraya di masjid-masjid, surau-surau, rumah-rumah, di simpang2 jalan dan di pasar-pasar dengan suara yang tinggi hingga sampai imam bertakbir ketika hendak memulakan solat 'idulfitri pada pagi ini. Syukur kepada Allah kerana kita telah berjaya menyempurnakan kefardhuan puasa, dengan menundukkan runtunan nafsu makan dan minum, serta desakan syahwat yang ingin rehat ataupun relax disebabkan oleh keletihan berpuasa sepanjang Ramadhan, mungkin juga terasa penat kerana banyaknya bertadarus dan bertarawih pada malam-malam Ramadhan yang lalu. Justeru kerana itu umat Islam diperintahkan bertakbir sebagai syiar keredhaan dan kepatuhan kita menjunjung syariat Allah dan bertakbir sebagai hamba Allah yang bersyukur.



Firman Allah dalam surah al-Baqarah, ayat 185;

...وَلَتُكَمِّلُوا الْعِدَّةَ وَلَتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَنَكُمْ

وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ



"... dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya, dan supaya kamu bersyukur".

**Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,**

'Idulfitri adalah hari anugerah Allah SWT. kepada umat Islam sebagai penghargaan ke atas ketaatan kita disepanjang Ramadhan. Hari ini kita diwajibkan berbuka menjamu juadah, diharamkan bagi kita berpuasa, umat Islam diharuskan makan, minum dan bersama dengan isteri, kerana ia adalah waktu umat Islam disuruh bergembira dengan penuh ceria.

Firman Allah SWT. surah Yunus ayat 58;

قُلْ بِفَضْلِ اللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِ فَبِذَلِكَ فَلَيَفْرَحُوا هُوَ خَيْرٌ

مِمَّا تَجْمَعُونَ



"Katakanlah (wahai Muhammad) "kedatangan al-Quran itu adalah semata-mata dengan limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya, maka dengan isi kandungan al-Quran itulah hendaknya mereka bersukacita (bukan dengan



yang lainnya), kerana ia lebih baik daripada apa yang mereka himpukan (daripada segala benda dan perkara yang tidak kekal)".

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

### **Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,**

Mari kita tanya diri kita sendiri, untuk apa kita penat-penat bertarawih sepanjang malam Ramadhan yang lalu? Untuk apa kita bersusah payah bertadarus membaca al-Quran? dan bersungguh-sungguh bangun sahur jam 3, 4, 5 pagi? Selepas itu menahan lapar sepanjang siangnya? Apakah kita lakukan ini saja-saja? Atau ada sesuatu yang lebih berharga yang kita cari? Untuk apa kita korban masa? Apakah kita habiskan masa dengan percuma dan sia-sia sahaja? Maka percaya dan yakinlah kepada kurniaan Allah itu bahawa sudah tentu lebih besar dengan ganjaran yang tidak terhingga.

Sekarang apa yang kita rasa, ialah kepuasan, kebahagiaan, keseronokan setelah berhempas pulas melakukannya sepanjang Ramadhan, dan pastilah syurga Allah adalah balasan bagi orang-orang yang taat. Itulah kesan tarawih, tadarus, qiamullail dan sebagainya yang lahir dari kepatuhan hamba-Nya mentaati Allah sepanjang Ramadhan. Itulah kemenangan yang tuntas dan mutlak yang telah diberikan Allah di dunia lagi. Sedangkan janji Allah lebih dari itu dengan balasan syurga yang tidak terperi nikmatnya. Itulah strategi untuk membina keyakinan dan kekuatan akidah umat Islam untuk mencapai maqam taqwa kepada Allah.

Firman Allah SWT. dalam surah al-Baqarah ayat 183:



يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمْنَوْا كُتُبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا  
كُتُبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

"Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa".

### Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

Hari raya ‘idulfitri bermaksud kita merayakan kejayaan kita kembali kepada fitrah kita yang asal, iaitu suatu permulaan kejadian manusia yang sememangnya bersih daripada dosa sama seperti kanak-kanak kecil yang tergambar di wajahnya bersih dan suci. Ramadhan adalah suatu proses yang sangat ajaib yang disediakan oleh Allah SWT untuk mengembalikan fitrah manusia menjadi bersih dan suci. Tetapi dengan nikmat kehidupan dunia yang sangat mencabar, ianya telah melalaikan kita sehingga mencemarkan kesucian fitrah kita yang bersih, lalu kita semakin jauh daripada Allah yang memberi kita nikmat kehidupan dunia. Tanyalah diri kita, siapakah yang memberi nikmat kenyang setelah kita lapar?, siapakah yang memberi kekuatan tenaga setelah lelah beribadat sepanjang malam Ramadhan dan berlapar di siangnya?

Tahukah kita? Siapakah yang memberikan kemenangan tentera Islam yang hanya berjumlah 313 orang mengalahkan musuh Islam yang berjumlah 1000 orang dalam perang Badar pada bulan Ramadhan tahun kedua hijrah? Siapakah yang mengalahkan tentera Ahzab 10,000 orang kalau tidak kerana pertolongan Allah terhadap tentera Islam yang hanya berjumlah 1000 orang



sahaja. Siapakah yang memberi kekuatan kepada tentera Salahuddin al-Ayubi yang berpuasa sepanjang perperangan, mampu mengalahkan tentera salibiyyah yang hampir 200 tahun menjajah umat Islam.

Inilah yang dimaksudkan dengan kebesaran Allah, inilah kelebihan dan rahmat Allah kepada hambaNya yang taat dan hampir kepadanya. Hanya Allah sahaja Tuhan yang disembah, tidak ada Tuhan yang disembah melainkan Allah yang Esa. Benarlah janji-Nya, Dialah yang memberi kemenangan kepada hamba-Nya, Dialah yang meletakkan kemuliaan kepada tentera-Nya, dan Dialah sahaja Allah yang menghancurkan tentera-tentera Ahzab.

Firman Allah SWT. dalam surah Ali Imran ayat 126;

وَمَا جَعَلَهُ اللَّهُ إِلَّا بُشْرَىٰ لَكُمْ وَلَتَطْمَئِنَ قُلُوبُكُمْ بِهِ  
وَمَا الْنَّصْرُ إِلَّا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ الْعَزِيزِ الْحَكِيمِ



*"Dan Allah tidak menjadikan bantuan tentera malaikat itu melainkan kerana memberi khabar gembira kepada kamu, dan supaya kamu tenteram dengan bantuan itu. Dan (ingatlah bahawa) pertolongan yang membawa kemenangan itu hanya daripada Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana".*

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

**Sidang hadirin muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,**



Apakah masih tidak cukup contoh pengajaran yang ditunjukkan oleh Allah kepada kita? Kebesaran dan kekuatan yang bagaimana lagi yang boleh mengukuhkan iman kita? Apakah dengan kemarau berpanjangan sehingga tanaman mati, pokok kering, suhu panas meningkat 40 darjah celcius baru kita yakin dengan kekuasaan Allah?, atau dengan banjir yang melanda keatas penempatan kita, sehingga ke tanah yang tinggi pun tenggelam juga, memang luar biasa, baru kita akur dengan kebesaran Allah? Atau apakah dengan sungai mengering, empangan cetek dan hujan tidak turun, baru kita mahu kenal Allah? Atau hanya dengan tragedi malang pesawat MH370 yang hilang tiba-tiba di lautan Hindi sehingga sekarang gagal ditemui, barulah kita berkata tidak ada daya dan kekuatan melainkan hanya daya dan kekuatan Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Besar, dan sesungguhnya semua kita adalah milik Allah yang mutlak dan hanya kepadaNya kita semua kembali.

لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ。 إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجُونَ。

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

### Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

Sebenarnya kita sudah berjaya kembali kepada fitrah kita yang asal, yang bersih seperti anak kecil yang baru lahir dan tidak berdosa. Jiwa dan fikiran kita, hati dan perasaan kita sudah sebulan masuk workshop. Jiwa kita, hati kita, akal fikiran kita sudah kembali kepada fitrahnya yang bersih. Hari raya adalah hadiah dari Allah yang besar dan bermakna untuk hambaNya yang taat menunaikan perintahNya. Zakatnya pula



membersihkan jiwa kita dari tamak haloba, bahkan Allah menjanjikan kesuburan kepada hartanya yang akan bertambah-tambah. Allah menjanjikan sedekah, derma dan waqaf dengan ganjaran yang berlipat ganda, dari di dunia hingga ke akhirat dan Allah meredhainya bahkan ditambah dengan balasan syurga yang penuh dengan nikmat, yang tidak pernah terlintas oleh hati, tidak pernah terlihat oleh mata, tidak pernah terdengar oleh telinga, itulah anugerah penghargaan yang sangat luar biasa, yang dijanjikan oleh Allah SWT.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

### **Muslim dan muslimat yang dirahmati Allah,**

Hari ini kita sebagai hamba Allah yang mempunyai maruah diri, ada kedudukan dan nilai tambah, kerana kita digolongkan Allah sebagai hamba-Nya yang cerdik dan pintar. Kita cerdik kerana kita dekat dan berdamping dengan Allah, kita dikatakan pintar kerana suka memohon, meminta dan mengharap sesuatu kepada Allah sahaja, sebenarnya apabila kita hampir dengan Allah, maka apa yang kita mohon, apa yang kita doa akan dimakbulkan Allah. Bahkan Allah SWT. menawarkan lagi supaya kita mintalah, mintalah lagi, dan percayalah, percayalah kepada Allah supaya kita menjadi hamba-Nya yang cerdik, kerana orang yang sedar bahawa pada Allah lah sebenar-benar tempat meminta ialah orang yang cerdik.

Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 186 :



وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دُعَوةَ الْدَّاعِ  
إِذَا دَعَانِ فَلِيَسْتَجِبُوا لِي وَلْيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ  
**يَرْشُدُونَ**



"Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka): Sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka); Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepada-Ku. maka hendaklah mereka menyahut seruan-Ku (dengan mematuhi perintah-Ku), dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka menjadi baik serta betul".

Oleh kerana hari raya adalah hari untuk bergembira, maka Islam tidak melarang untuk berhibur, walau bagaimanapun, rancangan hiburan samada di televisyen atau di mana sahaja hendaklah yang diharuskan oleh Syara', bukan perbuatan maksiat seperti minum arak, berjudi sehingga berlaku perkelahian. Demikian juga pergaulan lelaki dengan perempuan tanpa batasan. Kita memang disunatkan bersalaman dan bermaafan, tetapi diharamkan bersalam-salaman antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram, walaupun atas alasan jiran tetangga, kawan atau saudara mara yang bukan mahram. Kita memang disunatkan berpakaian serba baru, cantik dan indah, tetapi berdosa jika auratnya terdedah. Kita memang dituntut ziarah menziarahi jiran dan keluarga, tetapi berdosa jika sampai tertinggal solat yang difardhukan kepada kita. Ingatlah, hari ini adalah hari kita membesarkan Allah bukan merendahkan-Nya, bahkan hari kita memantapkan aqidah bukan memusnahkannya.



اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

**Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,**

Antara pengajaran daripada khutbah ini ialah:

- 1) Marilah kita sambut hari raya ‘idulfitri ini dengan gembira dan penuh ceria, tetapi janganlah merosakkan kesucian fitrah kita yang telah kita bina berhempas pulas sepanjang Ramadhan.
- 2) Rebutlah peluang maaf memaafkan dengan menghulurkan tangan terutama kepada ibu bapa, suami isteri dan anak-anak dengan doa yang penuh syahdu.
- 3) Sambutlah ‘idulfitri ini dengan ziarah menziarahi jiran tetangga, keluarga dan orang-orang yang miskin, anak-anak yatim.
- 4) Hulurkan sedekah atau hadiah semampunya dan sambutlah perayaan yang suci ini secara sederhana tanpa melakukan pembaziran, jadikanlah perayaan suci ‘idulfitri ini sebagai ibadat dan kesyukuran.
- 5) Jadikanlah kepentingan agama sebagai yang utama dalam kehidupan kita hari ini.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

فَادْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ وَآشْكُرُوْا لِي وَلَا تَكْفُرُونِ





*“Oleh itu ingatlah kamu kepada-Ku (dengan mematuhi hukum dan undang-undang-Ku), supaya Aku membala kamu dengan kebaikan; dan bersyukurlah kamu kepada-Ku dan janganlah kamu kufur (akan nikmat-Ku”).*

*(al-Baqarah : 152)*



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ، هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.



## KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ  
يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ <sup>ج</sup> يَأْمُرُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتٌ عَلَيْهِ  
وَسَلَامٌ تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ  
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ  
الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ  
الْعَظِيمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبَحِفْظِ  
وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَّ لَهُ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ  
سَلَّاَغُورِ، سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ  
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَائِيَّةَ  
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ  
سَلَّاَغُورِ، تَعْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ



الدّيْن ادْرِيس شاه الحاج فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَالَ وَالْإِكْرَامِ。اللَّهُمَّ  
أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ  
وَالْبَلَادِ، وَبِلْغَ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى  
وَالرَّشَادِ.

**Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,**

Alhamdulillah wa tabarakakumullah, Saya mengucapkan tahniah di atas kemenangan tuan-tuan dan puan-puan muslimin muslimat yang berjaya menunaikan fardu puasa Ramadhan sebulan pada tahun ini dan ibadah yang lain. Saya juga mengucapkan selamat hari raya ‘idulfitri hari ini dan mengucapkan tahniah kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah berjaya menunaikan zakat fitrah untuk diri dan tanggungan semua.

Ya Allah! Terimalah ibadah puasa kami, terimalah solat tarawih dan tahajud kami, terimalah ya Allah tilawah dan amalan tadarus kami, terimalah ya Allah sedekah dan zakat fitrah kami, terimalah segala amalan baik, zikir dan wirid kami, terimalah munajat dan tawajjuh kami, hanya Engkaulah ya Allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani kami, kerana rahmat-Mu terlalu luas, ya Allah ya Arhamarrahimin.



اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

**Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,**

Sekali lagi kita sama-sama mengingatkan pesanan Rasulullah SAW. supaya berpuasa enam dalam bulan Syawal. Sesiapa berpuasa Ramadhan dengan sepenuhnya kemudian diteruskan lagi 6 hari berpuasa di bulan Syawal maka ia akan diberi ganjaran seperti ia berpuasa sepanjang tahun. Dengan itu rebutlah anugerah Allah sebagai rahmat yang tidak ternilai besarnya kepada kita yang tidak akan dapat pada hari-hari yang lain,

Hadis daripada Abu Ayyub al-Ansari bahawa Rssulullah SAW. bersabda:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتَبَعَهُ سِتَّاً مِّنْ  
شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ

*"Sesiapa yang berpuasa Ramadhan kemudian diikuti dengan puasa enam hari di bulan Syawal, maka ia mendapat ganjaran puasa sepanjang tahun".*

*(Riwayat Muslim)*

Di samping itu marilah kita bermaaf-maafan, mohonlah maaf segala kesalahan yang telah kita lakukan kepada mereka yang telah kita aniayai, maafkan juga mereka yang memohon kemaafan di atas kesalahan yang telah mereka lakukan ke atas kita, buanglah yang keruh, ambillah yang jernih, hubungkanlah silaturahmi sesama kita, ziarahilah ibu bapa kita,



sahabat handai kita, sanak saudara kita, jiran tetangga kita dan saudara mara kita, semoga Allah meredhai amalan kita dan memberkati hidup kita.

Marilah kita mengukuhkan aqidah dan mempertahankan kalimah Allah sebagai lafaz jalalah, lafaz yang tertinggi. Kita bersyukur di atas kemenangan kita melalui keputusan mahkamah yang mengekalkan penggunaan kalimah Allah untuk umat Islam demi menjaga kesucian dan ketinggian lafaz jalalah yang wajib kita sanjung dan mempertahankannya. Marilah kita bersatu atas dasar iman dan Islam yang suci, membelakangkan perbezaan fahaman yang sia-sia dengan kembali kepada Allah dan bersatu menegakkan syariat-Nya.

اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا مِنَ التَّوَابِينَ وَاجْعَلْنَا مِنْ  
الْمُتَطَهِّرِينَ وَاجْعَلْنَا مِنْ عِبَادَكَ الصَّالِحِينَ. اللَّهُمَّ  
انْصُرِ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَهْلِكِ الْكُفَّارَ  
وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ. وَأَلْفُ بَيْنَ قُلُوبِ  
الْمُؤْمِنِينَ، وَأَفْتَحْ بَيْنَهُمْ بِالْحَقِّ وَأَنْتَ خَيْرُ  
الْفَاتِحِينَ، اللَّهُمَّ عَافِنَا مِنْ كُلِّ بَلَاءِ الدُّنْيَا



وَعَذَابُ الْآخِرَةِ، وَاصْرِفْ عَنَّا شَرَّ الدُّنْيَا وَشَرَّ  
الْآخِرَةِ.

رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً  
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى خَيْرِ خَلْقِهِ  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِهِ وَصَاحِبِهِ أَجْمَعِينَ.

سُبْحَانَكَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ وَسَلَامٌ  
عَلَى الْمُرْسَلِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.